



## KENYATAAN MEDIA

### YAB PERDANA MENTERI

---

#### BAYARAN FASA 2 BANTUAN KHAS COVID-19 PADA 25 NOVEMBER 2021

---

Seperti semua sedia maklum, pembayaran Fasa 1 Bantuan Khas COVID-19 (BKC) telah selesai dibuat pada bulan September yang lalu dengan peruntukan sebanyak RM3.1 bilion dan memanfaatkan hampir 10 juta penerima.

Seperti dijanjikan, pembayaran Fasa 2 BKC akan dibuat mulai **25 November 2021 (Khamis)** dengan peruntukan **RM300 juta**. Bayaran kedua ini akan melibatkan **700 ribu penerima** isi rumah, individu bujang dan warga emas yang tergolong dalam kategori miskin. **(Rujuk Jadual 1)**

Semakan status kelulusan BKC boleh dibuat melalui Portal BKC, iaitu <https://bkc.hasil.gov.my>. Untuk maklumat lanjut termasuk kriteria penerima dan jumlah bantuan yang bakal diterima, warga Keluarga Malaysia boleh merujuk **Jadual 2** serta **Soalan Lazim (FAQ)** yang turut dimuat naik di portal berkenaan.

Pembayaran seterusnya iaitu Fasa 3 BKC akan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu pada **bulan Disember 2021** melibatkan peruntukan sebanyak **RM1.2 bilion untuk 3.8 juta penerima isi rumah kategori miskin dan B40**.

BKC merupakan sebahagian daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), selain bayaran tambahan kepada pakej rangsangan ekonomi.

Pada 28 Jun 2021, kerajaan telah mengumumkan Pakej PEMULIH sebagai antara inisiatif pemberian bantuan menyeluruh kepada rakyat dalam mengharungi kesan akibat pandemik COVID-19.

Ingin saya tegaskan kerajaan sentiasa peka terhadap keluh-kesah rakyat dan berharap pembayaran BKC ini mampu meringankan beban rakyat yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19.

Bagi memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia, kerajaan juga akan terus komited memastikan bantuan yang disediakan dapat disalurkan secara berkesan.

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**23 November 2021**

**JADUAL 1: Maklumat Pembayaran Fasa 2 BKC**

<b>Jenis Penerima (Kategori Miskin)</b>	<b>Tarikh Pembayaran Mulai</b>	<b>Cara Pembayaran</b>
Isi rumah, warga emas dan individu bujang	25 November 2021	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank.
Penerima yang tidak mempunyai akaun bank (termasuk di Sabah & Sarawak)	25 November 2021	Melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Pihak BSN akan mengeluarkan panduan SOP dari semasa ke semasa.

**JADUAL 2: Fasa Pembayaran BKC**

Bil.	Kategori Penerima	Kategori / Amaun Kelayakan	Fasa Pembayaran	Amaun Bayaran (RM)
1.	Miskin	Isi Rumah / RM1,300	1	500
			2	500
			3	300
		Warga emas bujang/tiada pasangan / RM500	1	200
			2	300
		Bujang / RM500	1	200
2	300			
2.	B40	Isi Rumah / RM800	1	500
			3	300
		Warga emas bujang/tiada pasangan / RM200	1	200
		Bujang / RM200	1	200
3.	M40	Isi Rumah / RM250	1	250
		Warga emas bujang/tiada pasangan / RM100	1	100
		Bujang / RM100	1	100